

**Permaisuri Agong Rasmi Perarakan Malam Flora Pelancongan Antarabangsa
1Malaysia
Bernama
01 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 1 Julai (Bernama) --Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis perasmian Perarakan Malam Flora Pelancongan Antarabangsa 1Malaysia bertema 'Keajaiban Waktu Malam' di Pesisiran Tasik Putrajaya, Presint 2 di sini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa, Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen dan timbalannya, Datuk Dr James Dawos Mamit serta Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Samsudin Osman.

Acara yang bermula hari ini hingga 8 Julai bakal menyaksikan keindahan 15 bot dalam perarakan bercahaya sejauh tiga kilometer di Tasik Putrajaya dari 8.30 malam hingga 10.30 malam, selain pertunjukan bunga api pada setiap malam.

Bot yang dihiasi pelbagai corak flora dan fauna, lampu bergemerlapan selain ikon organisasi dan negara peserta, melambangkan kepelbagaian budaya serta tradisi masing-masing.

Peserta yang mengambil bahagian tahun ini ialah dari Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sarawak, Sabah, Terengganu, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Perbadanan Putrajaya dan wakil luar negara iaitu China dan Afrika.

Sementara itu, Ng berkata acara itu bertujuan memperkenalkan dan mempromosi kepelbagaian serta kekayaan alam semula jadi, budaya dan tradisi yang terdapat di negara ini.

"Semua bot ini akan bersaing merebut anugerah dalam empat kategori iaitu Bot Berhias Lampu Tercantik, Bot Paling Kreatif, Bot Paling Popular (berdasarkan undian orang ramai) dan Bot Terbaik Keseluruhan," katanya pada sidang akhbar di sini malam ini.

Ng berkata perarakan malam itu diadakan sempena acara tahunan 'Floria Putrajaya 2012' yang mempamer rekaan landskap terbaik Malaysia selain taman dan pusat rekreasi.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677114>